Ucapan : ADHO
589
208/80

UCAPAN YB DATUK HUSSEIN ONN, MENTERI

PELAJARAN MALAYSIA KEPADA JAWATANKUASA

KEBANGSAAN BAGI PERAYAAN HARI GURU, 1973

DI BILIK GERAKAN, KEMENTERIAN PELAJARAN

PADA 1 JUN, 1973.

---

SAYA MENGAMBIL PELUANG INI MENGUCAPKAN TAHNIAH DAN TERIMA KASIH KEPADA TUAN-TUAN SEKALIAN ATAS KEJAYAAN PERAYAAN HARI GURU PADA TAHUN INI YANG TELAH DIADAKAN DI PERINGKAT KEBANGSAAN.

2. TIAP-TIAP AHLI JAWATANKUASA DI PERINGKAT KEBANGSAAN TELAH MEMBERIKAN SOKONGAN SEPENUHNYA UNTUK MENJADIKAN HARI GURU PADA TAHUN INI SEBAGAI SATU PERISTIWA YANG TIDAK MUDAH DILUPAKAN. PUJIAN JUGA PATUT DIBERIKAN KEPADA PENGARAH PELAJARAN, SELANGOR, PEGAWAI-PEGAWAINYA DAN JUGA JAWATANKUASA NEGERI ATAS KERJASAMA MEREKA BAGI MENGURUSKAN KEDATANGAN MURID-MURID DAN GURU-GURU DARI KUALA LUMPUR DAN KAWASAN-KAWASAN YANG BERHAMPIRAN UNTUK MENGHAZIRI PERHIMPUNAN PADA HARI ITU.

....2

3. PERHIMPUNAN PADA HARI ITU SANGATLAH BERJAYA. SATU DARIPADA ASPEK YANG SUNGGUH MENGGALAKKAN IALAH SOKONGAN DARIPADA IBU-IBUBAPA YANG TELAH DATANG BERAMAI-RAMAI. MEMANDANGKAN KEPADA SAMBUTAN INI SAYA YAKIN BAHAWA KERJASAMA DI ANTARA IBU-IBUBAPA DAN GURU-GURU BOLEH MEMBERI KEJAYAAN, SEKIRANYA PERHUBUNGAN IBU-IBUBAPA DAN GURU-GURU BERJALAN DENGAN BAIK. SEKARANG INI KITA HENDAKLAH MENJALANKAN SEGALA USAHA SUPAYA TIAP-TIAP SEKOLAH MENUBUHKAN PERSATUAN IBUBAPA DAN GURU-GURU SEBELUM AKHIR TAHUN INI.

4. SAYA JUGA INGIN MEMBERI PUJIAN KEPADA MEREKA YANG BERTANGGUNGJAWAB MENGADAKAN ACARA HIBURAN PADA MAJLIS JAMUAN MAKAN PADA MALAM ITU. MEMANDANGKAN DARIPADA PERTUNJUKAN-PERTUNJUKAN KEBUDAYAAN ITU, ADALAH NYATA BAHAWA GURU-GURU KITA MEMPUNYAI BERMACAM-MACAM BAKAT YANG BELUM LAGI DIPERKEMBANGKAN SEPENUHNYA. SAYA DIFAHAMKAN BAHAWA PARA JEMPUTAN YANG HAZIR TELAH BERGEMBIRA, TETAPI MAJLIS ITU SUDAH TENTU AKAN BERTAMBAH BERSERI SEKIRANYA LEBIH RAMAI LAGI ISTERI-ISTERI KITA TURUT SERTA.

5. KEHAZIRAN WAKIL-WAKIL DALAM PERAYAAN HARI GURU TELAH MENJADIKAN PERAYAAN ITU BETUL-BETUL BERCORAK KEBANGSAAN. MUNGKIN PERAYAAN ITU AKAN LEBIH BERMUNAFAAT LAGI SEKIRANYA MEREKA DAPAT MENYERTAI SATU SEMINAR YANG DIADAKAN DALAM MASA MEREKA BERADA DI KUALA LUMPUR. JIKA PENGARAH-PENGARAH PELAJARAN NEGERI DIKEHENDAKI MENGHAZIRI UPACARA DI PERINGKAT KEBANGSAAN MAKA PERAYAAN-PERAYAAN DI PERINGKAT NEGERI PERLULAH DIADAKAN PADA SATU TARIKH YANG LAIN.

6. DISEBABKAN OLEH HAWA YANG PANAS DAN KEADAAN STADIUM NEGARA YANG PENUH SESAK MAKA SEBAHAGIAN BESAR DARIPADA APA YANG DIUCAPKAN TELAH TIDAK DAPAT DIDENGAR DENGAN JELAS OLEH PARA HAZIRIN. SAYA BERHARAP BAHAWA PADA TAHUN HADAPAN UPACARA INI AKAN DAPAT DIADAKAN DI TEMPAT LAIN PULA SEPERTI DEWAN TUNKU ABDUL RAHMAN ATAU DEWAN TUNKU CANSELOR DI MANA TERDAPAT KEMUDAHAN-KEMUDAHAN UNTUK MENGADAKAN BENGKEL DAN PERBINCANGAN-PERBINCANGAN YANG MANA AKAN MENJADI SEBAHAGIAN DARIPADA PERAYAAN HARI GURU DI PERINGKAT KEBANGSAAN. DALAM HAL INI, BARANGKALI PERLULAH DITAMBAHKAN LAGI BILANGAN IBU-IBUBAPA, DAN MENGHADKAN BILANGAN KANAK-KANAK SEKOLAH KEPADA LEBIH KURANG 100 ORANG PENUNTUT DARI TINGKATAN ENAM ATAS YANG TAHU MENGHARGAI ACARA ITU.

...6

8. TUAN-TUAN JUGA SEDAR BAHAWA BARU-BARU INI SAYA TELAH MELANCARKAN KEMPEN BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH-SEKOLAH KEBANGSAAN. SAYA MENYERU TUAN-TUAN SEMUA DI SEKOLAH-SEKOLAH KEBANGSAAN SUPAYA MEMBERIKAN SOKONGAN SEPENUHNYA KEPADA KEMENTERIAN PELAJARAN UNTUK MENJAYAKAN KEMPEN INI. TUAN-TUAN BOLEH MEMBERI SUMBANGAN UNTUK MEMBERI KESEDARAN TENTANG KEPENTINGAN BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH-SEKOLAH KEBANGSAAN MELALUI PERTUBUHAN-PERTUBUHAN DAN PERSATUAN-PERSATUAN IBUBAPA DAN GURU-GURU YANG TUAN-TUAN MENJADI AHLINYA. KEMPEN INI ADALAH PENTING DAN BERKAITAN DENGAN THEMA BAGI TAHUN 1974.

7. SEBAGAIMANA YANG TELAHPUN TUAN-TUAN KETAHUI BAHAWA THEMA BAGI TAHUN 1974 IALAH : PERANAN GURU DALAM ZAMAN SAINS DAN TEKNOLOJI. SAYA YAKIN BAHAWA TUAN-TUAN AKAN DAPAT MERANCANGKAN TERLEBIH AWAL DAN MENJADIKAN HARI GURU TAHUN HADAPAN LEBIH BERKESAN DAN LEBIH MERIAH LAGI DARIPADA TAHUN INI.

10. AKHIRNYA, SAYA INGIN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA TIAP-TIAP ORANG YANG TELAH MEMBERIKAN KERJASAMA UNTUK MENJAYAKAN HARI GURU PADA TAHUN INI DAN SAYA DENGAN IKHLASNYA BERHARAP, TUAN-TUAN SEBAGAI GURU-GURU AKAN MEMELIHARA KEHORMATAN DAN KEMULIAAN PEKERJAAN TUAN-TUAN SEBAGAI GURU.

PERKHIDMATAN ARKIB PERDANA MENTERI
★ MALAYSIA ★
AHO/U

No Siri 552
No Penerimaan 197/80

9. DISAMPING ITU JUGA, SAYA INGIN MENYERU SETIAP ORANG DI SEKOLAH-SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN SUPAYA MENUMPUKAN LEBIH PERHATIAN TERHADAP BAHASA MALAYSIA. DALAM MEMPELAJARI BAHASA INGGERIS ATAUPUN BAHASA MALAYSIA, SIKAP KITA TERHADAP PELAJARAN INI AKAN MENENTUKAN HASIL-HASILNYA YANG AKAN DIPEROLEHI KELAK. KITA MEMERLUKAN KEDUA-DUA BAHASA INI. SAYA YAKIN BAHAWA TUAN-TUAN SEBAGAI GURU-GURU BOLEH BEKERJA RAPAT DENGAN IBU-IBUBAPA UNTUK MENJAMIN KEJAYAAN ANAK-ANAK KITA.